

NAMA

Lengkapkan ayat dibawah dengan pilihan jawapan yang diberi

1. Sikap toleransi dapat..... hubungan sesama jiran.
2. Jika kamu membela haiwan peliharaan seperti anjing, pastikan anjing peliharaan ..... di dalam kawasan rumah kamu dan tidak dibiarkan berkeliaran di kawasan kejiranan.
3. Juriah tidak ..... kereta dengan laju apabila menghampiri kawasan anak-anak jirannya bermain.
4. Budi tidak pernah memarahi jirannya kerana daun-daun kering dari pokok jirannya itu masuk ke halaman rumahnya. Budi bertoleransi dengan ..... daun-daun kering tersebut.
5. Jiran Tini berasa gembira kerana tini seorang yang .....
6. Kita mestilah ..... dalam kehidupan seharian
7. Semangat bertoleransi menjadikan hidup kita bersama jiran lebih.....
8. Jiran akan lebih ..... kamu jika kamu menunjukkan sikap-sikap yang terpuji.

menghormati

menyapu

dikurung

merapatkan

gembira

memandu

bertolak ansur

bertoleransi

Tandakan  pada perbuatan yang baik

1. MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI

☐

2. MEMOTONG BARISAN

☐

3. BOROS

☐

4. BERKERJASAMA

☐

5. BERJIMAT

☐

6. RAMAH

☐

7. PEMURAH

☐

8. SOMBONG

☐

9. KEDEKUT

☐

10. BERSABAR

☐

Padankan jawapan yang sesuai pada ayat yang diberi

## KUIZ TOLERANSI

1. Ali \_\_\_\_\_ semasa guru memberikan nasihat kepadanya..
2. Ani \_\_\_\_\_ bermain bola bersama-sama rakannya.
3. Muthu memberi \_\_\_\_\_ kepada orang yang lebih tua naik ke dalam bas.
4. Ah Meng \_\_\_\_\_ memotong barisan semasa beratur membeli makanan di kantin.
5. Danial \_\_\_\_\_ rakan yang tersepak kakinya semasa bermain bola di padang.
6. Tukang Kebun sekolah \_\_\_\_\_ Sally supaya tidak memetik bunga di taman sekolah.
7. Lisa dapat \_\_\_\_\_ dirinya, walaupun diejek oleh rakannya.
8. Rishi tidak \_\_\_\_\_ kawannya, walaupun Nina telah mematahkan pembarisnya.
9. Ramli \_\_\_\_\_ Gunalan meminjamkan bukunya untuk membuat folio sains.
10. Fiona memberi \_\_\_\_\_ kepada Dina untuk menggunakan komputer sekolah terlebih dahulu bagi menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru.

tidak

menegur

peluang

berkongsi

mengawal

memarahi

membenarkan

laluan

memaafkan

bersabar